

Artikel

Kebangkitan Barisan Nasional Melalui Pendekatan Politik Pembangunan Dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri, Kelantan, Malaysia
(The Rise of the Barisan Nasional Through Approach of Development Politics in the Nenggiri State Legislative Assembly (DUN) by-election, Kelantan, Malaysia)

Junaidi Awang Besar*

Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (SEEDS), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: jab@ukm.edu.my

Diserah: 15 Disember 2024

Diterima: 15 Februari 2025

Abstrak: Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri, Kelantan, Malaysia diadakan berikutan Speaker DUN Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah mengumumkan kerusi DUN Nenggiri dikosongkan bermula 19 Jun 2024 disebabkan keahlian ADUN Nenggiri, Mohd Azizi Abu Naim yang gugur daripada Parti BERSATU kerana beliau menyatakan sokongan kepada pihak lawan. BN berjaya menawan semua kawasan ini dalam PRK ini. Oleh itu adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis politik pembangunan dalam PRK DUN Nenggiri, Kelantan. Penulisan artikel ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu berdasarkan score sheet keputusan pilihan raya mengikut saluran dan daerah mengundi; dan kaedah kualitatif iaitu analisis kepada maklumat sekunder iaitu penulisan jurnal, bahan seminar dan buku akademik yang berkenaan. Hasil kajian mendapati bahawa PRK DUN Nenggiri memperlihatkan kejutan apabila pertama kalinya PRK pasca PRU-15 berlakunya 'flip' atau peralihan kemenangan daripada PAS kepada BN. Pengundi di DUN Nenggiri lebih memilih politik pembangunan, perpaduan dan kasih sayang berbanding politik identiti untuk mewakili mereka pada PRK kali ini. Mereka juga terkesan dengan pengaruh Tengku Razaleigh Hamzah daripada BN/UMNO yang pernah menjadi ahli Parlimen Gua Musang selama 12 penggal, calon BN iaitu Azmawi yang sudah dikenali pengundi kerana pernah menjadi Pegawai Khas bekas ADUN Nenggiri iaitu YB Abd. Aziz Yusof selama sepenggal, di samping peranan jentera kempen BN yang menumpukan kepada ceramah kelompok kepada pengundi putih dan kelabu untuk penerangan atau penjelasan isu semasa secara berfokus. Justeru, dapatan kajian ini penting bagi menunjukkan wujudkan dinamika politik dan pentingnya strategi politik bagi memenangi pilihan raya di sesuatu kawasan.

Kata kunci: Pilihan Raya Kecil; politik pembangunan; politik identiti; Dewan Undangan Negeri; jentera kempen

Abstract: The by-election (PRK) of the State Legislative Assembly (DUN) of Nenggiri, Kelantan, Malaysia was held following the Speaker of the State Assembly of Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah announced that the seat of the State Assembly of Nenggiri would be vacant from 19 June 2024 due to the membership of the Assemblyman of Nenggiri, Mohd Azizi Abu Naim who had fallen from the Bersatu Party, he expressed his support for the opponent. Therefore, the purpose of writing this paper is to analyze the politics of development in the Nenggiri by-election, Kelantan. The writing of this article uses a quantitative method which is based on the score sheet of the election results according to the channel and voting district; and the qualitative method which is the analysis of secondary information which is journal writing, seminar materials and relevant academic books. The results of the study found that the Nenggiri state by-election showed a

surprise when the first post-GE-15 by-election saw a 'flip' or victory shift from PAS to BN. Voters in Nenggiri State Assembly prefer the politics of development, unity and love over identity politics to represent them in the by-election this time. They were also influenced by the influence of Tengku Razaleigh Hamzah from BN/UMNO who had been a member of the Gua Musang Parliament for 12 terms, the BN candidate Azmawi who was already known to the voters because he had been a Special Officer of the former Nenggiri assemblyman YB Abd. Aziz Yusof for one term, in addition to the role of the BN campaign machinery which focuses on group talks to white and gray voters. Therefore, the findings of this study are important to show the creation of political dynamics and the importance of political strategies to win elections in an area.

Keywords: By-Elections; development politics; identity politics; State Legislative Assembly; campaign machinery

Pengenalan

Pilihan raya atau pengundian merupakan salah satu elemen dalam sistem pemerintahan demokrasi di sesebuah negara. Pilihan raya juga merupakan ruang awam yang sah dari segi undangundang dan termaktub dalam perlembagaan negara untuk rakyat bersuara seterusnya menentukan pemimpin untuk masa depan negara yang lebih baik dan berwawasan jauh dalam menentukan hala tuju pemerintahan negara (Awang Besar, 2003). Geografi pilihan raya ialah satu bidang kajian mengenai perbezaan aspek geografi seperti kawasan, persempadanan, kependudukan, pembangunan dan pengaruh ekonomi terhadap trend politik kewilayahan. Aspek utama dalam kajian geografi pilihan raya ialah pengaruh proses politik dalam ruang geografi (Ghazali, 2009).

Sejak tahun 1957, Malaysia mengekalkan sistem politik pelbagai parti. Setiap parti politik yang memperoleh majoriti kerusi di Dewan Rakyat atau DUN boleh menubuhkan Kerajaan Persekutuan atau negeri dan diadakan apabila parlimen atau DUN dibubarkan atau terbuang sendiri selepas tamat tempoh lima tahun (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2017). Sistem yang digunakan di Malaysia berasaskan '*First-Past-The-Post-System*' yang bermakna calon-calon yang memperoleh majoriti akan diisytiharkan sebagai pemenang di bahagian pilihan raya berkenaan dan pilihan raya di Malaysia tertakluk dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu dalam Perkara 113 yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang ditubuhkan mengikut perkara 114 (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2017).

Pilihan Raya Kecil (PRK) adalah proses pemilihan dalam satu bahagian pilihan raya di mana rakyat mengundi bagi mengisi kerusi perwakilan yang kosong ekoran berlakunya kekosongan luar jangka sama ada di Dewan Rakyat/Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri. Kekosongan luar jangka boleh berlaku apabila ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri (ADUN) meninggal dunia, meletak jawatan, hilang kelayakan atas sabitan mahkamah ataupun apabila mahkamah mengisytiharkan pilihan raya tidak sah selepas sesuatu kes petisyen pilihan raya mengikut Perkara 118 Perlembagaan Persekutuan. Apabila berlaku kekosongan luar jangka, SPR perlu mengadakan Pilihan Raya Kecil bagi mengisi kekosongan berkenaan dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan yang dipastikan oleh SPR selaras dengan peruntukan Fasal (1) Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan (Wan Omar).

DUN Nenggiri merupakan satu kawasan yang dilingkungi kawasan luar bandar yang merangkumi kampung tradisi Melayu, tanah rancangan KESEDAR, tanah rancangan FELDA dan pos Orang Asli. Daripada 20 daerah mengundi, terdapat sembilan pusat daerah mengundi merupakan kampung tradisi; lima pusat daerah mengundi kampung Orang Asli; lima pusat daerah mengundi penempatan KESEDAR; dan satu daerah mengundi bagi penempatan FELDA. Kawasan ini dihuni oleh majoriti kaum Melayu dan sebahagian kecil Orang Asli. Dari segi sejarah pilihan raya, kawasan DUN ini telah dikuasai oleh BN/UMNO dan PN/BERSATU. Sejak sekian lamanya kawasan ini menjadi kubu kuat BN disebabkan BN pernah menang selama 4 penggal kerana BN mendapat sokongan dan dokongan kuat oleh majoriti kaum Melayu dan Orang Asli di kawasan tersebut. Namun pada PRU 2023, buat pertama kalinya parti pembangkang pada waktu itu iaitu PN-BERSATU berjaya menawan kerusi DUN tersebut oleh Mohd Azizi Abu Naim yang menang dengan majoriti 810 undi.

PRK DUN Nenggiri diadakan kerana Speaker DUN Kelantan iaitu Datuk Mohd Amar Nik Abdullah mengisytiharkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri terbubar bermula 19 Jun 2024. Hal ini diisytiharkan Speaker DUN Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah pada sidang media di pejabatnya. Beliau menjelaskan bahawa keputusan tersebut dilakukan apabila DUN Kelantan pada 13 Jun lalu mendapat notis bertulis berdasarkan Fasal 1(3) Perkara 31A Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan daripada seorang ADUN BERSATU berkenaan keahlian ADUN Nenggiri, Mohd Azizi Abu Naim yang dipecat daripada BERSATU. Lanjutan itu, Mohd Azizi memfailkan injunksi sementara bagi menghentikan PRK DUN tersebut daripada dijalankan sehingga saman pemulanya diputuskan. Namun, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak permohonan injunksi terbabit. Pada PRK 2024 di DUN Nenggiri yang penuh dramatik dan berlakunya *'flip'*, calon BN/UMNO iaitu Mohd Azmawi Fikri Abdul Ghani yang memperoleh 9,091 undi berjaya menawan semula seterusnya menewaskan calon BERSATU (asalnya pemimpin PAS namun menyertai BERSATU) yang menggunakan logo PAS iaitu Mohd Rizwadi Ismail (5,739 undi) dengan majoriti 3,352 undi. Oleh itu adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis politik pembangunan dalam PRK DUN Nenggiri, Kelantan.

Sorotan Literatur

Saripan (1979) menghujahkan senario pemerintahan kesultanan di Kelantan dibayangi Pattani dan terjadi konflik antara kerabat DiRaja bagi merampas kuasa negeri itu. Muhammad Noor (1991) menjelaskan mengenai prestasi Kerajaan PAS Kelantan dalam tempoh 2 tahun pentadbiran bermottokan kepimpinan ulamak. Di samping itu, dijelaskan juga pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang berlarutan sejak PRU 1990. Omar (1994) menghuraikan PAS digambarkan seperti lambang kekukuhan Islam di Kelantan, UMNO pula dianggap seperti pembawa kemajuan. Mohamed (1994) menghuraikan kelemahan pentadbiran PAS di Kelantan semenjak 1959 hingga 1990 yang disebabkan oleh kekeliruan tatacara pentadbiran dan parti politik mendominasi pemerintahan disebabkan asakan kepimpinan politik setempat di negeri itu.

Dollah (1999) dalam kajian prestasi kemajuan parti oposisi (PAS) di Kelantan dengan kes di Parlimen Tumpat menunjukkan bahawa PAS dapat membawa kemajuan seperti UMNO. Pelbagai projek pembangunan telah dijalankan ketika pentadbiran PAS di Negeri Kelantan iaitu pembangunan spiritual. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan kemajuan antara dua zaman pemerintahan iaitu sebelum 1990, ketika pentadbiran UMNO, dan pasca PRU 1990 (pemerintahan PAS). Kajian oleh Mustapha (2001) menunjukkan gelagat politik Orang Asli di Gua Musang, Kelantan pada tahap yang minimum. Hal ini adalah kerana mereka tidak mendapat informasi yang benar mengenai senario politik terkini.

Omar (2004) menghuraikan BN/UMNO tidak perlu bimbang meletakkan calon di kawasan dominan PAS di Negeri Kelantan iaitu perlu meletakkan calon baharu dan bertenaga serta mempunyai perancangan rapi untuk memajukan Kelantan yang sudah lama ketinggalan di bawah pentadbiran PAS. Mat Jali & Awang Besar (2005) menghuraikan bahawa keputusan PRK kawasan DUN Pengkalan Pasir, Kelantan 2005 adalah indikator kepada kekuatan PAS dan pengukuhan BN di Kelantan. Mohd Mahadee dan Ab. Bassit (2008) menjelaskan bahawa tingkah laku politik orang Melayu Kelantan menarik menjadikan keputusan politik mereka adalah rumit untuk dianggarkan. Mat Jali dan Awang Besar (2011) menghuraikan bahawa pemilih di perdesaan dalam PRK kawasan DUN Manek Urai, Kelantan cenderung bagi mengundi BN. Meskipun BN kalah dalam PRK itu, sebaliknya sokongan kepada PAS semakin menurun.

Mohd Rahim (2013) menjelaskan kebarangkalian bagi menguasai Kelantan pada PRU-13 adalah baik disebabkan culaan awal mendapati pemilih akan mengundi BN. Sebaliknya, taktik "gelombang merah" dan 7 janji pembangunan oleh Perdana Menteri dianggap masih tidak dapat mempengaruhi pengundi Kelantan untuk mengundi BN pada PRU 2013. Mohd Zain et al. (2014) menjelaskan faktor penolakan pengundi kepada BN di Kelantan disebabkan kehidupan yang sederhana kepimpinan Tok Guru Nik Abdul Aziz disamping kelemahan Gelombang Merah serta sokongan pemilih di bandar terhadap PAS. Tok Guru Nik Abdul Aziz mempunyai karisma dengan keperibadian beliau yang dilihat alim dan sederhana telah menghasilkan impak kepada rakyat Kelantan.

Abdullah (2015) dalam penyelidikan tentang PRK DUN Pengkalan Kubor, Kelantan menjelaskan pandangan politik pengundi adalah berbeza berpandukan kepada profil sosioekonomi dan demografi mereka. Selain, itu, projek pembangunan yang dijanjikan oleh BN memperoleh dokongan rakyat di kawasan tersebut.

Awang Besar (2017) dalam penyelidikan tentang tingkah laku dan pilihan politik di Parlimen Pasir Mas, Kelantan menunjukkan kaedah teori pilihan rasional lebih baik jika berbanding teori identifikasi parti dan model sosiologi. Hal ini menggambarkan pengundi di kawasan kajian lebih mementingkan kehidupan mereka yang berkenaan dengan ekonomi, kebajikan, pembangunan dan infrastruktur terutamanya bagi pemilih remaja. Awang Besar (2018) menghuraikan bahawa keputusan PRK DUN Pengkalan Kubor memberikan impak penting terhadap UMNO yang diwakili BN manakala PAS yang diwakili Pakatan Rakyat. Sokongan pengundi kepada UMNO ini menyebabkan parti itu menjadi status quo sebagai kubu kuat BN.


Menurut Abdul Rahim & Zainuddin (2018) menjelaskan bahawa pengundi remaja dan pengundi luar menjadi asbab PAS mengukuhkan pentadbirannya di Kelantan pada PRU-14. Zulkifeli (2019) menjelaskan rakyat yang mengundi PAS di kawasan DUN Pantai Irama, Bachok, Kelantan disebabkan parti itu menjadikan Islam sebagai tunjang perjuangan parti iaitu polisi pentadbiran berlandaskan syariat Islam. Wan Yussuf & Ab Rahim (2020) menghuraikan Negeri Kelantan melalui polisi pemerintahan 'Membangun Bersama Islam' telah menjalani hampir 30 tahun telah dapat menunjukkan Islam sebagai teras ketamadunan negerinya. Awang Besar (2021) menjelaskan ciri pemimpin yang diinginkan oleh pengundi di DUN Chempaka, Kelantan adalah berintegriti dan ikhlas kepada arahan kerja, anti korupsi dan pemimpin yang mengutamakan keperluan rakyat. Yusuf (2021) menghuraikan dinamika dasar dan tata kelola, ekonomi dan budaya kepemimpinan, isu setempat mencorakkan senario politik pilihan raya di Negeri Kelantan.

Metodologi

Bagi metod penyelidikan, artikel ini mengaplikasikan kaedah kualitatif daripada data sekunder iaitu artikel jurnal, buku akademik dan kertas persidangan berdasarkan kajian pengundian serta dianalisis berpandukan pola pengundian. Maklumat sekunder diguna bagi mengukuhkan perbincangan makalah ini dari sudut ilmiah. Maklumat sekunder merupakan informasi kualitatif yang memerlukan gabungan informasi yang sudah dicatatkan secara mantap melalui rekod bertulis. Dalam penulisan makalah ini, gabungan data sekunder diperoleh melalui kajilidikan kepustakaan. Semua kajian lampau dan bahan melalui data sekunder iaitu buku akademik, artikel jurnal serta kertas kerja seminar membolehkan penulis mendapatkan gambaran mengenai penyelidikan ini. Di samping itu, penulis juga mendapatkan informasi dari media elektronik seperti mengakses laman atas talian bagi memperoleh informasi tambahan secara atas talian seperti laporan kajian, makalah dan penulisan jurnal. Analisis data pula merangkumi paduan antara maklumat kualitatif berdasarkan pemerhatian di lapangan, data kuantitatif iaitu data keputusan pilihan raya di kawasan kajian serta analisis informasi sekunder dibuat bagi bahan bercetak dan online.

1. Geografi Pilihan Raya DUN Nenggiri, Kelantan

Dari sudut geografi, DUN Nenggiri berada di barat daya Negeri Kelantan dan di sebelah selatan Kota Bharu. Kawasan ini terletak kira-kira 172 kilometer dari Kota Bharu, mengambil masa sekitar dua jam perjalanan dari ibu negeri Kelantan dan 33km dari bandar Gua Musang. DUN Nenggiri mempunyai sembilan kampung tradisional, lima pusat daerah mengundi (PDM) Orang Asli, lima PDM KESEDAR dan satu kawasan FELDA. DUN Nenggiri merangkumi keluasan 2,301 km persegi mengandungi 20 kawasan Daerah Mengundi (Lihat Rajah 1). Jumlah pemilih di kawasan ini ialah 20,259 orang dengan 20,245 pengundi biasa dan 14 anggota polis yang mengundi secara pos. Kawasan ini mengandungi 89.6 peratus etnik Melayu, 0.2 peratus etnik Cina, 0.1 etnik India, 9.8 peratus Orang Asli dan selebihnya adalah etnik lain.



Rajah 1. Peta persempadanan bahagian pilihan raya DUN Nenggiri, Kelantan berdasarkan Daerah Mengundi
Sumber: Diubahsuai daripada SPR (2024)

Hasil Kajian dan Perbincangan

1. Sejarah Politik Pilihan Raya di DUN Nenggiri

Jika dilihat dari perspektif perkembangan politik di kawasan ini, DUN Nenggiri diwujudkan pada PRU 2004. Pilihan raya umum 2004, 2008, 2013 dan 2018, kawasan ini dikuasai calon BN/UMNO dengan masing-masing majoriti 2,685 undi, 2,090 undi, 3,849 undi dan 461 undi. Kemudian PRN 2023 pula berjaya ditawan PN/BERSATU dengan majoriti 810 undi. Pada PRK 2024, BN/UMNO berjaya menawan semula kerusi ini dengan lebih undi yang lebih tinggi iaitu 3,352 undi (SPR 2004-2024).

2. Calon yang Bertanding dalam PRK DUN Nenggiri

Calon BN-UMNO iaitu Mohd Azmawi Fikri Abdul Ghani (Awi) lahir di Nenggiri. Beliau adalah Ketua Pemuda UMNO Kelantan dan Naib Presiden gerakan belia 4B Malaysia. Bapa kepada tiga cahaya mata tersebut mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dan pernah muncul johan Anugerah Belia Perdana Kelantan (Persatuan) pada 2022.

Calon PN-BERSATU ialah Mohd Rizwadi Ismail, 41 tahun. Beliau merupakan bapa kepada lima cahaya mata. Beliau yang berkelulusan SPM merupakan pesara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Beliau juga merupakan Bekas Timbalan Ketua Pemuda PAS Gua Musang. Mohd Rizwadi yang juga merupakan pengundi di Bertam Lama dan memasuki BERSATU untuk penduduk Nenggiri.

3. Isu dalam Pilihan Raya Kecil DUN Nenggiri

Antara isu yang dicanangkan dalam kempen PRK DUN Nenggiri ialah isu calon PN, isu pembinaan jalan raya, isu projek hidroelektrik Nenggiri, isu pembangunan tanah oleh Kerajaan Negeri, isu Khairi Jamaluddin (KJ) menjangkakan BN boleh menang dalam PRK DUN Nenggiri, ahli parti keluar parti, isu khianat parti dan

mandat yang diberikan rakyat kepada YB Azizi dengan menyokong kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim serta tidak diberi peruntukan oleh Kerajaan PAS Kelantan. Isu lain yang dicanangkan dalam kempen PRK DUN Nenggiri ini adalah isu Kampung Bertam Lama yang menghadapi masalah banjir; isu bekalan air bersih; isu liputan telekomunikasi dan talian internet yang lemah; isu ketiadaan kemudahan tong sampah besar dan berkunci menjadi punca berlaku pembuangan sehingga wujud longgokan sampah di sepanjang Jalan Kuala Lah ke Jerek; isu kenaikan kos sara hidup; isu kenaikan harga barang; isu penarikan subsidi minyak diesel; isu kemudahan asas; isu hak milik tanah peneroka antara pengurusan KESEDAR dengan Kerajaan Kelantan; isu projek terbengkalai pembinaan bandar perabot (Madinatul Athasi) seluas 141 hektar di Ulu Nenggiri yang dilancarkan oleh Kerajaan Kelantan pada 10 September 2020 namun tiada sebarang gerak kerja dilaksanakan; isu rakyat mahukan wakil rakyat yang boleh sentiasa berada di kawasan mereka; isu salah guna jentera kerajaan untuk kempen pilihan raya; isu kebajikan Orang Asli; isu hak milik tanah adat Orang Asli; isu pembalakan dan pencemaran debu tanah jalan balak; isu Ladang Hutan 1,169 hektar; isu fatwa politik PAS yang sentiasa berubah-ubah dan tidak konsisten; isu Zahid tersasul menyebut sokongan kepada Israel ketika Himpunan Pembebasan Palestin di Axiata Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur; isu orang Melayu tidak boleh menerima DAP; isu DAP dikaitkan dengan kafir harbi; dan isu masyarakat setempat. Terdapat dua perkara yang diselesaikan menjelang PRK Nenggiri iaitu penyediaan kemudahan mesin ATM di Kampung Jerek, Nenggiri dan pengumuman kenaikan gaji penjawat awam oleh PMX yang dilihat boleh memberi kelebihan kepada BN dalam PRK ini.

4. Keputusan Pilihan Raya Kecil DUN Nenggiri

Calon BN/UMNO iaitu Mohd Azmawi Fikri Abdul Ghani melakukan kejutan dengan berjaya menawan semula kerusi DUN yang asalnya merupakan kubu kuat BN/UMNO ini menewaskan Calon BERSATU yang menggunakan logo PAS, Mohd Rizwadi Ismail. Mohd Azmawi Fikri, secara rasminya menang dengan mendapat 9,091 undi mengalahkan pencabarnya daripada PN/PAS (BERSATU) iaitu Mohd Rizwadi yang memperoleh 5,739 undi. Mohd Azmawi Fikri menang dengan 3,352 lebih undi. Peratus keluar mengundi adalah 73.78 peratus dan 135 kertas undi ditolak.

5. Faktor dan Pola Sokongan Pengundi

PRK DUN Nenggiri memperlihatkan kejutan apabila pertama kalinya PRK pasca PRU-15 berlakunya 'flip' atau peralihan kemenangan daripada PAS kepada BN. Kemenangan BN/UMNO ini pada awalnya dilihat agak sukar dan mustahil kerana PAS menguasai Kerajaan Negeri yang berkuasa dari segi urusan tanah dan perkara lokal seperti urusan kampung, kebajikan, pertanian dan sebagainya melalui Pejabat Jajahan/Daerah dan Penghulu Mukim. Namun dibincangkan beberapa faktor kemenangan BN/UMNO dalam PRK DUN Nenggiri.

Faktor Sokongan Pengundi kepada BN

Faktor pertama adalah politik pembangunan. Pengundi di DUN Nenggiri lebih memilih politik pembangunan, perpaduan dan kasih sayang berbanding politik identiti untuk mewakili mereka pada PRK kali ini. Politik pembangunan bermaksud mereka percaya dan terkenang jasa BN melalui Kerajaan Persekutuan dalam memajukan kawasan mereka sebelum ini kerana kawasan mereka masih perlukan penerusan kemajuan fizikal dari semasa ke semasa. BN melalui agensi Kerajaan Persekutuan iaitu KESEDAR sejak dahulu lagi membantu peneroka dari segi penanaman dan pemasaran kelapa sawit, perumahan, jalan raya kemudahan infrastruktur seperti bekalan air dan elektrik dan kemudahan awam seperti masjid, pejabat kerajaan dan sebagainya. Tindakan Kementerian Kewangan yang meluluskan permohonan mesin juruwang automatik (ATM) di Jerek dua hari sebelum hari pengundian melegakan mereka yang tidak perlu lagi berulang alik selama satu jam ke Bandar Gua Musang untuk mengeluarkan wang tunai. Mesin ATM tersebut dipasang pada 15 Ogos 2024 di sebuah pasar mini di Kampung Jerek, Gua Musang, yang memberi manfaat kepada kira-kira 30,000 penduduk. Sebelum ini penduduk di Nenggiri terpaksa berjalan sejauh 50km ke bandar Gua Musang untuk mengeluarkan wang daripada ATM. Inilah contoh politik pembangunan yang dijadikan strategi untuk memperoleh undi namun perlu dibuktikan atau dilaksanakan sebelum hari pengundian.

Faktor kedua adalah pengaruh Tengku Razaleigh Hamzah daripada BN/UMNO yang pernah menjadi ahli Parlimen Gua Musang selama 12 penggal. Tengku Razaleigh yang merupakan ahli Parlimen Gua Musang

atas tiket BN/UMNO sangat dikenali pengundi di kawasan Parlimen Gua Musang termasuk di DUN Nenggiri kerana sudah begitu lama menjadi wakil rakyat. Nama beliau yang sinonim sebagai ahli Parlimen BN/UMNO akan mendapat sokongan pengundi jika nama beliau diguna untuk mendapat sokongan pengundi kepada mana-mana calon BN dalam Parlimen Gua Musang yang mengandungi DUN Nenggiri, DUN Galas, dan DUN Dabong. Beliau juga berpengalaman dalam menghadapi isu sosioekonomi dan sosiopolitik di Kawasan Parlimen Gua Musang. Beliau sudah selalu turun padang di seluruh kawasan Gua Musang dan sudah banyak isu dan permasalahan di Gua Musang yang beliau selesaikan sepanjang menjadi wakil rakyat di kawasan tersebut. Dalam kalangan Orang Asli, beliau dikenali sebagai 'Raja Gua Musang' yang dihormati dan dipatuhi oleh komuniti tersebut seperti tok batin mereka. Beliau juga terkenal sebagai seorang wakil rakyat yang mesra rakyat dan mudah mendekati dan didekati seluruh golongan masyarakat di kawasan beliau.

Faktor ketiga adalah personaliti calon BN iaitu Mohd Azmawi Fikri. Beliau yang berumur 38 tahun sudah dikenali pengundi kerana pernah menjadi Pegawai Khas bekas ADUN Nenggiri iaitu YB Abd. Aziz Yusof selama sepenggal. Pencalonan beliau dalam PRK DUN Nenggiri juga telah mendapat restu daripada Ketua UMNO Bahagian Gua Musang yang juga merupakan bekas ahli Parlimen Gua Musang iaitu Tengku Razaleigh Hamzah yang sangat dikenali dan dihormati di Parlimen Gua Musang. Beliau sudah biasa berurusan dengan penduduk atau pengundi di 20 kawasan Daerah Mengundi dalam DUN Nenggiri. Dengan jawatan beliau sebagai Ketua Pemuda UMNO Bahagian Gua Musang dan juga Ketua Pemuda UMNO Negeri Kelantan membolehkan beliau bergerak ke peringkat akar umbi pemuda UMNO untuk membantu beliau bagi mengukuhkan sokongan pengundi muda kepada UMNO/BN. Beliau juga berpengalaman sebagai ahli lembaga Pengarah KESEDAR yang telah lama dikenali dalam kalangan peneroka di Nenggiri. Dari segi komunikasi, beliau juga dilihat lebih mudah didekati oleh pemberita dan semua pihak bagi sebarang urusan.

Faktor keempat adalah peranan jentera kempen BN. Jentera kempen BN/UMNO menumpukan kepada ceramah kelompok kepada pengundi putih dan kelabu untuk penerangan atau penjelasan isu semasa secara berfokus terutamanya isu UMDAP, no Anwar no DAP, isu ekonomi, isu Kerajaan Perpaduan dan lain-lain. Dengan ini, BN/UMNO dapat menguasai undi teras mereka di samping pengundi kelabu atau atas pagar dengan pendekatan *engagement* yang rapat serta '*personal touch*' yang lebih mendalam. Jentera kempen BN/UMNO juga menggunakan pendekatan santun-mesra pengundi dari rumah ke rumah dengan bertanya khabar dan masalah yang dihadapi agar dapat diselesaikan sebaik dan secepat yang boleh.

Faktor kelima adalah sokongan padu Orang Asli sebagai *fix deposit* atau simpanan tetap. Orang Asli membentuk 10 peratus daripada keseluruhan pengundi dalam DUN Nenggiri. Kempen BN/UMNO dalam PRK DUN Nenggiri di kawasan Daerah Mengundi Orang Asli dibantu oleh Ahli Parlimen BN/UMNO Cameron Highland daripada Orang Asli iaitu Dato' Ramli Mohd Nor yang juga merupakan Timbalan Speaker Dewan Rakyat. Orang Asli terkenal dengan sikap mereka yang sangat patuh kepada arahan Tok Batin atau ketua mereka. Orang Asli juga setia kepada pihak yang pernah berbudi kepada mereka dan menghormati pihak yang menghormati cara hidup mereka serta terus-menerus mengambil berat tentang kehidupan mereka dari semasa ke semasa. Oleh kerana BN/UMNO berpengalaman dan lebih awal serta lebih berkemampuan dalam menyantuni Orang Asli maka BN menjadi pilihan mereka dalam setiap pilihan raya termasuk di kawasan DUN Nenggiri.

Faktor keenam adalah sokongan daripada pengundi kakitangan kerajaan melalui undi pos dan undi biasa. BN/UMNO memperoleh 30 undi pos yang merupakan penjawat awam iaitu polis dan lain-lain berbanding PAS memperoleh 8 undi. BN/UMNO yang pernah menguasai Kerajaan sejak 13 penggal sentiasa mengambil berat tentang keperluan dan kebajikan kakitangan/penjawat awam dari segi pergajian, perumahan dan khidmat sosial. Ini menyebabkan penjawat awam ini menyokong pihak kerajaan semasa iaitu Kerajaan Perpaduan PH+BN. Secara kebetulannya, pada hari Jumaat, Kerajaan Persekutuan PH+BN melalui Perdana Menteri (PMX) mengumumkan skim kenaikan gaji untuk penjawat awam atau pelarasan gaji kakitangan awam sebanyak 15 peratus untuk Kumpulan Pelaksana serta Pengurusan dan Profesional, manakala 7 peratus kepada Kumpulan Pengurusan Tertinggi secara berperingkat iaitu fasa satu pada 1 Disember 2024, manakala fasa dua pada 1 Januari 2026. Berita ini menggembirakan penjawat awam dalam keadaan peningkatan kos sara hidup seterusnya akan memberi perangsang kepada mereka untuk berkhidmat dengan lebih baik kepada rakyat awam di negara ini.

Faktor ketujuh adalah pendekatan kempen BN/UMNO yang berhemah, mesra dan memberi khidmat kepada pengundi. Tidak seperti PN yang menggunakan pendekatan politik keagamaan dan perkauman serta menyerang peribadi kepimpinan BN dan PH di samping memberikan gelaran negatif kepada pihak lawan. Pendekatan kempen PN yang menggunakan cara politik kebencian dan politik permusuhan terhadap lawan politik mereka juga tidak dapat diterima pengundi di DUN Nenggiri, sebaliknya mereka menerima cara politik berhemah, politik kasih sayang, politik pembangunan untuk mendapat undi daripada mereka. PN didapati menyerang peribadi (*character assassination*) Presiden UMNO iaitu Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Perdana Menteri Malaysia yang juga Pengerusi PH iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim secara terang-terangan tanpa belas kasihan yang akhirnya memakan diri dan menyebabkan pengundi tidak menyokong calon PN. Selain itu, PN juga suka memaki, menghina dan melabel dengan gelaran yang tidak baik kepada musuh mereka menggambarkan kepimpinan PN tidak berakhlak mulia. Pengundi di DUN Nenggiri menolak politik kasar, menghina, menghasut, mengadu domba dan maki hamun serta politik tidak kenang budi oleh sesetengah pemimpin yang menghina parti politik yang pernah disertai dan berjasa kepada pemimpin tersebut. Pengundi di DUN Nenggiri hanya inginkan keperluan asas mereka dipenuhi agar mereka dapat hidup dengan selesa.

Faktor Sokongan Pengundi kepada PAS

Meskipun PAS tewas dalam PRK DUN Nenggiri ini namun mereka masih mendapat sokongan yang signifikan. Negeri Kelantan diakui merupakan kubu terkuat PAS di negara ini kerana PAS menang dalam PRU sejak tahun 1990 sehingga sekarang iaitu sudah lapan penggal. Meskipun PAS kalah namun mereka mempunyai penyokong akar umbi yang tersendiri. Faktor politik identiti iaitu keagamaan dan perkauman sememangnya merupakan faktor utama sokongan pengundi dalam PRK DUN Nenggiri ini. Faktor pertama adalah faktor keagamaan. Pengundi PAS kekal dengan sokongan mereka kepada parti keagamaan tersebut kerana mereka ingin pemerintahan Islam tertegak dan diamalkan di negeri dan kawasan mereka. Mereka merasakan dengan pengamalan pemerintahan Islam tersebut maka diri dan kawasan mereka akan menjadi aman dan mendapat perlindungan daripada Tuhan yang maha Esa. Dengan pemerintahan Islam juga bagi mereka, kadar jenayah dapat dikurangkan dan manusia akan berbuat kebaikan. Apabila golongan politik agama ini berdakwah dan menyeru kepada kebaikan (amar makruf) maka mereka akan berbuat baik dan bantuan ini akan menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

Faktor kedua adalah faktor pemikiran (mindset) keagamaan yang kukuh, setia, istiqamah, konsisten dan mendalam. Mereka sudah terbiasa dan selesa dengan pemerintahan PAS ini dan merasa sukar untuk menukar pemimpin dan pemerintahan Islamik yang sedia ada. Diri mereka juga sudah sehati dan serasi dengan cara pemerintahan yang ada sekarang. Jika mereka menghadapi permasalahan seperti kemiskinan, kesukaran dan ketiadaan air, kesesakan jalan raya, kemunduran, kekotoran dan sebagainya maka mereka pasrah dan redha dengan ketentuannya maka mereka tidak merasa keluh-kesah, sukar, sedih, benci, sakit hati dan sebagainya. Ini hasil daripada penyerahan diri mereka kepada takdir tuhan maka mereka perlu bersabar dan daripada sabar tersebut maka mereka akan mendapat ganjaran pahala dan syurga kelak. Inilah kepercayaan dan keyakinan yang terdapat dalam diri mereka.

Faktor ketiga adalah faktor perkauman yang menebal. Pengundi di DUN Nenggiri majoritinya kaum Melayu iaitu 89.6 peratus etnik Melayu. Kempen PAS di DUN Nenggiri memainkan sentimen perkauman Melayu dengan mengaitkan BN dan PH dalam Kerajaan Perpaduan sebagai 'pak turut' kepada DAP yang dianggap sebagai cauvanis kaum Cina. Pelbagai gelaran yang diberikan atau dituduh seperti UMDAP, barua Cina, pak turut Cina, alat Cina, ejen Cina dan sebagainya. Justeru, orang Melayu takut apabila mereka menyokong BN-PH maka hak dan keistimewaan orang Melayu akan tergugat seterusnya tergadai kepada bangsa asing terutamanya kaum Cina. Sebaliknya apabila mereka menyokong PAS-BERSATU (PN) maka hak dan keistimewaan orang Melayu akan terus kukuh dan terpelihara. Dasar perjuangan PAS dan BERSATU sememangnya untuk memperjuangkan dan membela Orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan kedua-dua parti politik tersebut. Justeru itulah maka buat masa ini, mereka menyokong PN (PAS/BERSATU) agar hak dan ketuanan Melayu kuat dan terpelihara.

Faktor keempat adalah faktor ekonomi semasa. Ketika kempen dijalankan, PN menggunakan isu ekonomi yang merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dibawah PH+BN. Keadaan ekonomi negara dilihat kurang baik dengan harga barang dan perkhidmatan yang tinggi di samping peluang pekerjaan yang

terhad. Isu ekonomi mikro atau ekonomi keluarga atau disebut sebagai 'politik perut' adalah isu yang paling dekat dengan kehidupan rakyat seharian. Maka pihak yang gagal menyelesaikan isu ekonomi dengan baik dan pantas dianggap gagal dan menyusahkan rakyat. Oleh itu, pengundi akan memilih pihak 'alternatif' untuk menyelesaikan masalah ekonomi tersebut dan PAS adalah alternatif yang ada kepada mereka maka mereka menyokong PAS sebagai harapan mereka untuk menyelesaikan masalah ekonomi tersebut.

Faktor kelima adalah jentera parti dan kerajaan. Meskipun PAS tidak menguasai Kerajaan Persekutuan yang mempunyai kuasa dan dana yang banyak namun mereka menguasai Kerajaan Negeri dan mempunyai jentera parti yang kuat dan setia. PAS yang menguasai Kerajaan Negeri mempunyai Penghulu atau Penggawa di seluruh daerah dan kampung di Kelantan termasuk di Nenggiri yang berperanan menjaga kebajikan penduduk setempat. Di samping itu juga, PAS mempunyai jentera parti di peringkat cawangan atau kampung yang dapat digerakkan bagi mencari dan menyelesaikan masalah penduduk kampung. Maka dengan itu, jentera parti dan Kerajaan Negeri melalui Penggawa telah dikenali penduduk kampung maka mereka boleh berurusan dengan kedua-dua jentera ini untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

Pola Pengundian

Dari segi pola pengundian pula, berbanding pilihan raya negeri tahun 2023, PRK kali ini hanya terdapat penambahan 40 pengundi berdaftar. Namun, kadar keluar mengundi kali ini jauh lebih tinggi iaitu 73.9 peratus berbanding 61 peratus tahun 2023. Peratusan undi PN dalam PRK DUN Nenggiri merosot daripada 53.3 peratus tahun lalu kepada 38.7 peratus. Jumlah undi yang diterima juga menurun daripada 6,517 undi kepada 5,739 undi. Peratusan undi BN juga meningkat kepada 61.3 peratus berbanding 46.7 peratus, manakala jumlah undi yang diterima juga meningkat 3,384 undi kepada 9,091 undi. Ini dapat dilihat berdasarkan keputusan di PDM, di mana BN menang 17 daripada 20 PDM, berbanding hanya tujuh PDM tahun 2023. Meskipun tewas di PDM Ladang SEDC, Kesedar Limau Kasturi dan Pasir Tumbuh, BN berjaya mengurangkan majoriti PN daripada tiga angka di setiap PDM kepada dua angka.

BN/UMNO terus menguasai kawasan majoriti Orang Asli iaitu di Pos Tohoi (majoriti 302 undi), Pos Simpoh (majoriti 307 undi), Sungai Puian (majoriti 300 undi), Sungai Jenera (majoriti 352 undi) dan Sungai Wias (majoriti 260 undi) serta kawasan majoriti Melayu di Daerah Mengundi Jerek (majoriti 31 undi), Bertam Baru (majoriti 177 undi), Jeram Tekoh (majoriti 460 undi), Sungai Asap (majoriti 480 undi), Renok (majoriti 25 undi), Kuala Sungai (majoriti 49 undi), Bertam Lama (majoriti 43 undi), Star (majoriti 89 undi), Perasu (majoriti 115 undi), Serian (majoriti 122 undi), Meranto (majoriti 345 undi) dan Limau Kasturi (majoriti 53 undi). PAS pula menang di kawasan Daerah Mengundi Ladang SEDC (majoriti 84 undi), KESEDAR Limau Kasturi (majoriti 25 undi) dan Pasir Tumbuh (majoriti 51 undi). Oleh itu, BN berjaya menawan Daerah Mengundi yang mereka kalah pada PRN 2023 iaitu Jerek, Bertam Baru, Jeram Tekoh, Renok, Kuala Sungai, Bertam Lama, Star, Perasu, Serian dan Limau Kasturi. Secara umumnya, BN/UMNO juga menang besar di saluran pengundi tua saluran 1, dewasa dan muda. BN/UMNO juga menang bagi undi pos dengan majoriti 22 undi apabila berjaya memperoleh 30 undi berbanding PAS yang memperoleh 8 undi.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, PRK DUN Nenggiri memperlihatkan kejutan apabila pertama kalinya PRK pasca PRU-15 berlakunya 'flip' atau peralihan kemenangan daripada PAS kepada BN. Pengundi di DUN Nenggiri lebih memilih politik pembangunan, perpaduan dan kasih sayang berbanding politik identiti untuk mewakili mereka pada PRK kali ini. Politik pembangunan bermaksud mereka percaya dan terkenang jasa BN melalui Kerajaan Persekutuan dalam memajukan kawasan mereka sebelum ini kerana kawasan mereka masih perlukan penerusan kemajuan fizikal dari semasa ke semasa. Tindakan Kementerian Kewangan yang meluluskan permohonan mesin juruwang automatik (ATM) di Jerek dua hari sebelum hari pengundian melegakan mereka yang tidak perlu lagi berulang alik selama satu jam ke Bandar Gua Musang untuk mengeluarkan wang tunai. Mereka juga terkesan dengan pengaruh Tengku Razaleigh Hamzah daripada BN/UMNO yang pernah menjadi ahli Parlimen Gua Musang selama 12 penggal, calon BN iaitu Azmawi yang sudah dikenali pengundi kerana pernah menjadi Pegawai Khas bekas ADUN Nenggiri iaitu YB Abd. Aziz Yusof selama sepenggal, di samping peranan jentera kempen BN yang menumpukan kepada ceramah kelompok kepada pengundi putih dan kelabu

untuk penerangan atau penjelasan isu semasa secara berfokus terutamanya isu UMDAP, *no* Anwar *no* DAP, isu ekonomi, isu Kerajaan Perpaduan dan lain-lain.

Penghargaan: Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dalam penyelidikan ini.

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdul Rahim, F. & Zainuddin, M. Z. (2018, Mei 10). *Dua Faktor PAS Kekal Di Kelantan*. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/05/424002/dua-faktor-pas-kekal-di-kelantan>.
- Abdullah, M. A. (2015). *Pilihan raya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor, Kelantan: Status quo BN melalui strategi politik pembangunan*. [Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Awang Besar, J. (2003). *Politik Baru: Analisis Pilihan Raya Umum 1995 dan 1999 di Parlimen Kuala Terengganu*. [Latihan Ilmiah, Program Geografi, Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Awang Besar, J. (2017). Tingkah laku pengundi dan pilihan politik di kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 13(3), 97-111. <https://doi.org/10.17576/geo-2017-1303-10>
- Awang Besar, J. (2018). Pola pengundian Etnik Melayu dalam pilihan raya kecil DUN Pengkalan Kubor, Kelantan. *merentasi sempadan yang melewati zaman: Kumpulan esei sempena persaraan Profesor Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman*. 271-300. Penerbit Universiti Malaya.
- Awang Besar, J. (2021). Sentimen kepartian dan personaliti pemimpin pada Pilihan Raya Umum 2018: Kajian di kawasan DUN Chempaka, Kelantan. *Akademika*, 91(1), 81-96. <https://doi.org/10.17576/akad-2021-9101-07>
- Dollah, E. (1999). *Penilaian pembangunan parti pembangkang (PAS) di Kelantan. Kajian kes di Parlimen Tumpat*. [Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Ghazali, A. S. (2009). *Geografi pilihan raya Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Ismail, M. M. & Husin, A. B. (2008). Penterjemahan demokrasi dalam pilihan raya umum ke-12: Satu tinjauan ke atas budaya politik masyarakat Melayu Kelantan. In: Kabul, W, Haron, S, Mat Kib, M. Z., Rosline, A. K. (Eds). *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca Pilihan Raya ke-12*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Mat Jali, M. F. & Awang Besar, J. (2005). Kajian corak pengundian di pilihanraya kecil Pengkalan Pasir 2005. *Persidangan ICOSH 2015. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mat Jali, M. F. & Awang Besar, J. (2011). Pembangunan dan pola pengundian dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Manek Urai, Kelantan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 7(Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development), 29-39. <https://doi.org/10.17576/geo-2011-1303-10>
- Mohamed, A. (1994). *Kelantan di bawah pemerintahan PAS: Masalah tanah dan rasuah*. Gateway Publishing House Sdn. Bhd.
- Mohd Rahim, S. A. (2013). Kelantan: Strategi dan peluang Barisan Nasional (BN) menawan semula daripada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13. [Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Mohd Zain, M. F., Mamat, S. A., Awang Besar, J. & Mat Jali, M. F. (2014). Pilihan raya umum 2013: Penolakan berterusan pengundi di Kelantan terhadap Barisan Nasional. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society And Space*, 10, 15-27.
- Muhammad Noor, A. (1991). *Ada apa di Serambi Mekah*. Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Mustapha, N. (2001). Persepsi dan partisipasi politik masyarakat Orang Asli: Kajian kes di RPS Kuala Betis Gua Musang, Kelantan. [Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Omar, M. S. (1994). *Dilema politik Kelantan: Mampukah BN gugat Angkatan?*. Tinta Merah.

- Omar, Z. (2004). *Mencari jogho baru*. Tastax Raya Sdn. Bhd.
- Saripan, R. (1979). *Perkembangan politik Melayu tradisional Kelantan 1776-1842*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- SPR. (2004). *Laporan pilihan raya umum Malaysia 2004*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2008). *Laporan pilihan raya umum ke-12 2008*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2013). *Laporan pilihan raya umum ke-13 2013*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2018). *Laporan pilihan raya umum Ke-14, 2018*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2022). *Dashboard Keputusan PRU Ke-15 2022*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- SPR. (2024). *Dashboard Keputusan PRK DUN Nenggiri 2024*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2017). *50 tahun demokrasi dan pilihan raya di Malaysia*. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Wan Omar, W. A. (2014). *Saya, SPR dan pilihan raya*. Grup Buku Karangkrak Sdn Bhd.
- Wan Yussof, W. N. & Ab Rahim, N. N. H. (2020). *Pembinaan Tamadun Kelantan*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.
- Yusuf, N. A. (2021). Faktor kekuatan PAS di Kelantan dalam PRU-14. Dlm. Awang Besar, J, Mat Jali, M. F. & Yusuff, N. A. (Penyelenggara). *Dinamika politik pilihan raya di Malaysia dalam PRU-14*, hlm. 117-140. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Zulkifeli, M. F. (2019). *Penerimaan pengundi terhadap Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di kawasan N.21 Pantai Irama, Bachok, Kelantan*. [Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia].